

## KE ARAH PELAKSANAAN *HUDUD* DAN *QISAS* DI MALAYSIA

Dalam melayari laman web Tun Abdul Hamid Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara, saya menjumpai satu artikel mengenai teori pelaksanaan hukum *hudud* dan *qisas* di Malaysia. Walau pun, artikel tersebut telah lama beliau tulis, tetapi ia masih tetap relevan kerana kita masih belum pun membuat apa-apa tindakan realistik dalam merealisasikan pelaksanaan hukuman *hudud* dan *qisas* di negara kita. Artikel asal Tun Abdul Hamid boleh dimuat turun dan dibaca di pautan berikut:

<http://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/702-pelaksanaan-hudud-di-brunei-perbezaan-di-antara-brunei-dan-malaysia>

Saya rasa terpenggil untuk menulis artikel ini kerana saya pernah menganggotai **Jawatankuasa Penambahbaikan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Negeri Kelantan 1993** dan **Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan** pada tahun 2014 hingga 2015 dulu. Saya juga menulis thesis pada peringkat Ijazah Sarjana saya berkenaan isu ini. Ijazah Sarjana Perbandingan Undang-Undang saya di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim adalah secara penulisan disertasi penuh dengan tajuk **“The Implementation of Islamic Criminal Law in Malaysia; Challenges and Prospects”** siap lebih awal dari segala hiruk pikuk tentang *hudud* dan *qisas* sekitar tahun 2014 dulu. Thesis saya siap pada tahun 2005 di bawah kelolaan Prof. Dr. Abdul Rahman Awang, dan Prof. Madya Ibrahim Ismail, guru-guru saya yang saya hormati.

Secara ringkasnya, apa yang saya faham dari tulisan Tun Abdul Hamid ialah, Tun mencadangkan pelaksanaan hukuman *hudud* dan *qisas* di Malaysia adalah sebagaimana berikut:

- 1) Peringkat Persekutuan melaksanakan hukuman *hudud* dan *qisas* bagi kesalahan-kesalahan jenayah seperti berikut: mencuri, merompak, membunuh, dan mencederakan; manakala
- 2) Peringkat Negeri melaksanakan hukuman *hudud* dan *qisas* bagi kesalahan-kesalahan jenayah seperti minum arak, zina, tuduhan zina, dan murtad.

Tun Abdul Hamid membahagikan hukuman *hudud* dan *qisas* kepada dua set pelaksanaan melihat kepada siapakah bakal penjenayah yang akan dilaksanakan hukuman *hudud* dan *qisas* itu. Mengikut Tun Abdul Hamid, bagi kesalahan-kesalahan jenayah yang bersifat umum, dilakukan oleh orang Islam dan bukan Islam, maka ia hendaklah ditangani oleh peringkat persekutuan di Mahkamah Sivil sebagaimana yang berlaku sekarang seperti kesalahan-kesalahan mencuri, merompak, membunuh dan mencederakan memang sudahpun sedia wujud di dalam Kanun Keseksaan. Pindaan hanya perlu dibuat dari sudut jenis hukuman, iaitu hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri, dan hukuman pembayaran *diyat* bagi kesalahan yang berkait dengan pembunuhan dan menyebabkan kecederaan.

Manakala bagi kesalahan-kesalahan yang khusus untuk orang Islam sahaja seperti kesalahan minum arak, zina, tuduhan zina, dan murtad boleh dikekalkan pada peringkat negeri di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah juga seperti yang diamalkan sekarang. Cuma, pindaan perlu dibuat kepada had maksima hukuman seperti sebat 100 kali bagi kesalahan zina, sebat 80 kali bagi kesalahan menuduh zina, dan sebat 40 kali bagi kesalahan minum arak. Pindaan juga perlu dibuat

kepada jenis hukuman iaitu dengan mewujudkan hukuman baru bagi kesalahan zina bagi pesalah *muhsan*, iaitu rejam sampai mati.

Begitulah pendapat Tun Abdul Hamid yang saya fikir ada logiknya dan memang pernah kami bincangkan pada peringkat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan dulu. Kami membincangkan peta jalan (*road map*) ke arah pelaksanaan hukuman *hudud* dan *qisas* di negara kita ini dan cadangan yang dikemukakan oleh Tun Abdul Hamid seingat saya, memang ada dibincangkan.

Cumanya, di sana ada pendapat yang mengatakan bahawa pelaksanaan hukuman-hukuman *hudud* dan *qisas* pada peringkat persekutuan yang dikuatkuasakan di bawah Mahkamah Sivil itu, jika dibuat segala pindaan kepada hukuman-hukuman yang ada sekarang dengan memperkenalkan hukuman potong tangan dan pelaksanaan *diyath*, bukanlah bermaksud kita telah menjalankan hukuman *hudud* dan *qisas*. Ini adalah kerana, proses pendakwaan, proses pembuktian, dan proses menjatuhkan hukuman itu agak mustahil boleh dilakukan secara patuh syariah jika ia di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil kerana hakim-hakim di Mahkamah Sivil tiada kelayakan untuk membicarakan kes-kes yang disenaraikan sebagai 'kesalahan jenayah Islam' iaitu kesalahan *hudud* dan *qisas*.

Pindaan juga perlu dibuat pada Akta Keterangan, Tatacara Jenayah dan 1001 satu pindaan lain bagi 'mengislamkan' undang-undang sivil. Undang-undang sedia ada itu tidak hanya akan menjadi Islam jika sekadar jenis hukuman yang dipinda. Tambahan pula, elemen jenayah curi tidak sama dengan elemen jenayah '*sariqah*', elemen jenayah rompak tidak sama dengan elemen jenayah '*hirabah*', elemen menyebabkan kecederaan tidaklah sama dengan elemen '*jurh*', dan elemen denda tidak sama dengan elemen '*diyath*'. Maka untuk mengharmonikan perkara-perkara ini dengan konsep Islam yang sebenar di Mahkamah Sivil, agak berat juga sebenarnya tugas ini.

Maka timbullah cadangan supaya kesalahan-kesalahan jenayah peringkat persekutuan itu yang termasuk dalam kategori boleh dihukumkan dengan hukuman *hudud* dan *qisas* itu di bawa ke peringkat negeri dan diurustadbir oleh Mahkamah Syariah. Isu-isu tentang konflik bidang kuasa, *double jeopardy*, kesaksamaan undang-undang dan meraksasakan Mahkamah Syariah pula yang mengambil tempat.

Saya juga terlibat dalam kajian tentang isu-isu yang menjadi halangan pelaksanaan hukuman *hudud* dan *qisas* itu, dan dipaksa untuk mencari solusi dan cuba berhujah sebaik mungkin bagi menangkis isu-isu konflik bidang kuasa, *double jeopardy*, dan kesaksamaan undang-undang itu. Maka timbullah idea untuk memberikan kuasa pelaksanaan hukuman *hudud* dan *qisas* itu kepada kerajaan negeri melalui peruntukan Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan.<sup>1</sup>

Perkara 76A (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan sebagaimana berikut:

“Adalah dengan ini ditetapkan bahawa kuasa Parlimen bagi membuat undang-undang mengenai sesuatu perkara yang disebutkan dalam senarai Persekutuan adalah termasuk kuasa membenarkan Badan-badan Perundangan Negeri atau mana-mana daripadanya membuat

---

<sup>1</sup> Antara yang memberi pandangan ini ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Bin Nik Abdullah yang terpaksa menjawab berkali-kali persoalan yang sama yang ditanya oleh wartawan-wartawan tentang komitmen Kerajaan Negeri Kelantan tentang pelaksanaan hukuman *hudud* dan *qisas*

undang-undang mengenai kesemua atau sebahagian perkara itu tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada) yang dikenakan oleh Parlimen.”

Manakala Perkara 76A (2) pula menyatakan sebagaimana berikut:

“Walau apapun peruntukan Perkara 75<sup>2</sup>, sesuatu undang-undang Negeri yang dibuat menurut kuasa yang diberi oleh Akta Parlimen seperti tersebut dalam Fasal (1) boleh, jika dan setakat mana yang diperuntukkan oleh Akta itu, meminda atau memansuhkan (mengenai negeri yang berkenaan itu) mana-mana undang-undang Persekutuan yang telah diluluskan sebelum Akta itu.”

Pembacaan sepintas lalu peruntukan-peruntukan di atas menunjukkan bahawa untuk membolehkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan memperluaskan kuasa mereka, maka Parlimen boleh memberikan kuasa tersebut kepada DUN melalui peruntukan-peruntukan di atas.

Mengikut kajian saya, idea ini pertama kali ditimbulkan oleh Professor Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim seawal tahun 1995 lagi.<sup>3</sup> Ia kemudiannya diulang oleh Dato’ Dr. Abdul Monir Yaacob pada tahun 1996.<sup>4</sup> Dato’ Dr Mohamed Fadzli Bin Dato’ Hj Hassan juga kemudiannya mempopularkan cadangan ini semasa sesi forum Bicara Hudud pada tahun 2011.<sup>5</sup> Beliau sekali lagi mengesahkan cadangan ini dalam kertas kerjanya bertajuk “*Ke arah Pelaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993*” di Muzakarah Jenayah Syari’ah Kebangsaan anjuran YADIM pada 29 Mei 2014. Antara lain, katanya:

“Selain itu satu lagi rang undang-undang persendirian (*private member’s bill*) akan dibawa ke parlimen bagi meluaskan bidangkuasa Dewan Undangan Negeri Kelantan sebagaimana peruntukan 76A (1).”

Walau bagaimanapun, cadangan di atas perlu dikaji secara terperinci sebelum suatu tindakan diambil berdasarkan peruntukan perkara 76A Perlembagaan Persekutuan tersebut. Saya cuba merungkai secara ringkas persoalan-persoalan yang timbul mengenai hal ini.

## **Kesan-kesan Daripada Penggunaan Peruntukan 76A**

### **1. Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) sudah tidak relevan**

Mengikut Ahmad Ibrahim, kesan daripada peruntukan perkara 76A, apabila Parlimen memberikan kuasa kepada DUN, maka DUN boleh meminda atau boleh langsung membiarkan apa-apa undang-undang yang sebelum ini menyekat kuasa

<sup>2</sup> Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan:

“Jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang Negeri dan undang-undang Negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu.”

<sup>3</sup> Lihat Ahmad Mohamed Ibrahim, Pelaksanaan undang-undang *hudud* di Malaysia, Dlm. Rose Ismail (edit.), *Hudud in Malaysia: the issues at stake*, Cetakan Semula, Ilmiah Publishers, 2002, m/s. 159.

<sup>4</sup> Lihat Abdul Monir Yaacob, Kedudukan dan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia, Dlm. Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman (edit.), *Tinjauan kepada perundangan Islam*, Cetakan Ketiga, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000, m/s. 111-112.

<sup>5</sup> Forum Bicara Hudud telah diadakan pada 5 November, 2011 bertempat di Hotel al-Rawdhah, Kota Bharu Kelantan. Saya adalah salah seorang ahli panel forum tersebut.

DUN. Ini bermakna, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) tidak lagi membawa apa-apa kesan yang boleh menyekat Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam bahasa mudahnya, jika Akta 355 tidak dipinda sekalipun, DUN Kelantan sudahpun mempunyai bidangkuasa untuk melaksanakan hukuman *hudud* dan *qisas* apabila Parlimen sudahpun meluluskan pemberian kuasa tersebut berdasarkan perkara 76A.<sup>6</sup>

Jika benarlah ini kesan yang dikehendaki oleh perkara 76A, kerajaan yang ada sekarang boleh mengemukakan usul untuk meminda Akta 355, atau jika kerajaan Kelantan merasakan mempunyai keberanian dan kemampuan melobi ahli Parlimen, boleh saja kerajaan Kelantan mengusulkan supaya Parlimen membenarkan DUN Kelantan melaksanakan EKJSII berdasarkan perkara 76A.

## **2. Undang-undang yang diluluskan berdasarkan perkara 76A akan termasuk dalam Senarai Bersama<sup>7</sup>**

Mengikut Ahmad Ibrahim lagi, kesan daripada perkara 76A adalah, apabila Parlimen memberi autoriti kepada DUN untuk menggubal dan meluluskan sesuatu undang-undang berdasarkan perkara 76A, undang-undang tersebut akan dikira sebagai undang-undang yang tersenarai dalam Senarai Bersama.<sup>8</sup>

Perkara 76A (3) menyatakan sebagaimana berikut:

“Apa-apa perkara yang mengenainya Badan Perundangan sesuatu Negeri dibenarkan pada masa itu oleh Akta Parlimen untuk membuat undang-undang hendaklah, bagi maksud Perkara 79, 80 dan 82, dikira berkenaan dengan Negeri yang berkenaan seolah-olah perkara itu ialah suatu perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama.”

Jika benarlah *hudud* dan *qisas* ini akan disenaraikan dalam kategori Senarai Bersama, maka pastinya ia bukanlah bidangkuasa mutlak kerajaan Negeri Kelantan, tidak sebagaimana perkara-perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri<sup>9</sup>. Kerajaan Negeri Kelantan patut boleh memahami hal ini dan pastinya boleh bekerjasama dengan kerajaan pusat memandangkan hal ini termasuk dalam Senarai Bersama.

## **3. Undang-undang jenayah Syariah akan diiktiraf sebagai undang-undang yang kerajaan negeri berbidangkuasa menguatkuasakannya**

Tun Abdul Hamid berpandangan bahawa dari asalnya kesalahan-kesalahan itu adalah undang-undang jenayah yang terletak dalam Senarai Persekutuan<sup>10</sup>. Ia tidak termasuk dalam Senarai Negeri, sebab itulah Kelantan terpaksa meminta kebenaran di bawah Perkara 76A (1).

Parlimen tidak meminda perlembagaan untuk meletakkannya di bawah Senarai Negeri. Apa yang dilakukan oleh Parlimen hanyalah membenarkan Badan Perundangan Negeri membuat undang-undang dalam perkara itu untuk dipakai di negeri itu. Sifatnya tidak diubah. Tun Abdul Hamid menekankan bahawa untuk

<sup>6</sup> Ahmad Ibrahim, Pelaksanaan undang-undang *hudud*, m/s. 159.

<sup>7</sup> Senarai III Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

<sup>8</sup> Lihat Ahmad Mohamed Ibrahim, *The administration of Islamic law in Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000, m/s. 639.

<sup>9</sup> Senarai II Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>10</sup> Senarai I Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

meletakkannya di bawah Senarai Negeri memerlukan pindaan kepada perlembagaan dan majoriti dua per tiga (2/3).<sup>11</sup>

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa perkara ini tidaklah menjadi faktor negatif kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Bahkan apabila beberapa kesalahan jenayah yang diberikan kuasa kepada DUN Kelantan untuk melaksanakannya menunjukkan bahawa satu pengiktirafan tentang undang-undang jenayah syariah itu sendiri sepatutnya berada dalam ruang lingkup kerajaan negeri yang berbidangkuasa sepenuhnya tentang pemartabatan agama Islam di setiap negeri.

#### **4. Undang-undang yang diluluskan berdasarkan Perkara 76A boleh hanya terhad kepada orang Islam negeri tersebut sahaja**

Tun Abdul Hamid seterusnya memberi pandangan bahawa ia mestilah terpakai kepada semua orang Islam dan bukan Islam sebab ia adalah undang-undang jenayah persekutuan dan bukan undang-undang yang dibuat di bawah Senarai Negeri. Jika tidak, ia tak berperlembagaan (*unconstitutional*) kerana bercanggah dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.<sup>12</sup>

Terdapat pandangan yang berbeza dalam hal ini. Ada yang berpendapat, apabila parlimen telah memberikan kuasa mereka kepada DUN Kelantan, dan walaupun undang-undang yang dibuat masih tidak termasuk di bawah Senarai Negeri, kita perlu melihat secara positif klausa perkara 76A itu sendiri apabila berlaku perubahan kuasa menggubal dan melaksanakan sesuatu hukuman jenayah itu, maka DUN Kelantan sepatutnya diberi kebebasan untuk menghadkan undang-undang yang diluluskan di DUN Kelantan terhad kepada penduduk Islam di Kelantan sahaja.

Hal ini langsung tidak bercanggah dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan tentang kesamarataan undang-undang. Ketidaksamarataan yang akan diamalkan di Kelantan ini termasuk dalam pengecualian yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Di dalam kes *Public Prosecutor lwn. Khong Teng Khen*<sup>13</sup>, Suffian LP menyimpulkan bahawa apa yang penting dalam perkara 8 ialah "*a person in one class should be treated the same as another person in the same class*". Jadi, isu diskriminasi tidak timbul kerana ia memang dibenarkan.

Di dalam kes *Ahmad Tajudin bin Ishak lwn. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang*<sup>14</sup>, mahkamah telah memutuskan bahawa diskriminasi semata-mata tidaklah membawa kepada sesuatu undang-undang itu bercanggah dengan perkara 8. Bagi membolehkan plaintif berjaya menunjukkan sesuatu undang-undang yang diskriminasi itu bercanggah dengan perkara 8, plaintif mestilah membuktikan bahawa diskriminasi tersebut adalah tidak adil dan telah membawa kerosakan.

Dalam kes hukum *hudud* yang hanya dikenakan kepada orang Islam sahaja, mana tidak adilnya. Bahkan inilah keadilan, kerana mana mungkin kita menghukum

---

<sup>11</sup> Tun Abdul Hamid Bin Haji Mohamad, *Patutkah Kuasa Parlimen Membuat Undang-undang Jenayah Diberikan Kepada Badan Perundangan Negeri Kelantan?*, Lawati <http://www.tunabdulhamid.my>. Lihat juga Tun Abdul Hamid Bin Haji Mohamad, *Memberi Kuasa Undang-undang Jenayah?*, Lawati <http://tmsabli.blogspot.com/2014/06/memberi-kuasa-undangundang-jenayah.html>.

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> [1976] 2 MLJ 166, m/s. 170 F-G

<sup>14</sup> [1997] 1 MLJ 241

dengan hukuman jenayah syariah kepada seseorang yang tidak mempercayai tentang syariah itu sendiri.

### **5. Undang-undang yang diluluskan berdasarkan Perkara 76A boleh dibicarakan di mahkamah syariah**

Sekali lagi Tun Abdul Hamid memberikan alasan kerana ia adalah undang-undang jenayah dan bukan undang-undang yang dibuat di bawah Senarai Negeri, maka undang-undang yang diluluskan berdasarkan perkara 76A mestilah dibicarakan di Mahkamah Sivil. Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa terhadap orang Islam dan bukan Islam manakala Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa terhadap orang Islam sahaja.<sup>15</sup>

Sekali lagi terdapat pandangan yang khilaf dengan pendapat Tun Abdul Hamid. Apabila sesuatu undang-undang itu sudahpun diluluskan berdasarkan Perkara 76A, secara tersiratnya parlimen sudahpun membenarkan mahkamah di peringkat negeri iaitu Mahkamah Syariah membicarakan undang-undang tersebut. Jika tidak, kenapa dan mengapa ia dibenarkan untuk DUN menggubal dan melaksankannya sedangkan mahkamah yang berbidangkuasa masih terikat dengan Mahkamah Sivil. Ini adalah penafsiran yang agak tidak selari.

### **6. Perbezaan undang-undang dari sebuah negeri ke sebuah negeri**

Dalam undang-undang yang ada sekarang pun sudah terdapat perbezaan di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri. Ini adalah mengenai undang-undang diri dan keluarga. Apatah lagi dalam undang-undang jenayah yang lebih rumit dan serius. Menurut Tun Abdul Hamid, keadaan ini akan menyebabkan ketidakpastian undang-undang dan akan mewujudkan keadaan yang kelam kabut.<sup>16</sup>

Sekali lagi ada yang kurang bersetuju dengan kenyataan ini. Perbezaan undang-undang antara sebuah negeri dengan sebuah negeri bukanlah sesuatu yang perlu dipandang secara negatif kerana perbezaan yang wujud bukanlah perbezaan pada perkara asas bahkan perbezaan pada perkara *furu'* (cabang) sahaja. Hal ini bahkan boleh dilihat secara positif tentang keluasan syariah itu sendiri dan sifat syariah itu sendiri yang *murunah (flexible)* memberi rahmat kepada orang-orang Islam.

### **7. Kelantan akan melaksanakan undang-undang hudud dan qisas yang menyeluruh**

Tun Abdul Hamid mengatakan bahawa Kelantan akan ada dua set undang-undang hudud. Set pertama ialah undang-undang yang dibuat di bawah Senarai Negeri, misalnya bagi kesalahan-kesalahan berzina, menuduh orang berzina dan meminum minuman yang memabukkan. Kesalahan-kesalahan itu hanya terpakai kepada orang Islam, disiasat dan didakwa oleh pegawai penyiasat dan pendakwa syariah dan dibicarakan oleh mahkamah syariah.

Set kedua ialah undang-undang yang dibuat berikutan dengan kebenaran parlimen di bawah Perkara 76A (1) itu. Undang-undang itu terpakai kepada orang

---

<sup>15</sup> Tun Abdul Hamid Bin Haji Mohamad, *Patutkah Kuasa Parlimen Membuat Undang-undang Jenayah Diberikan Kepada Badan Perundangan Negeri Kelantan?*

<sup>16</sup> Ibid.

Islam dan bukan Islam, disiasat oleh polis, didakwa oleh pendakwa raya dan dibicarakan oleh mahkamah sivil.<sup>17</sup>

Ada yang melihat perkara ini bukan sebagai dua set undang-undang yang berlainan, bahkan mereka melihat perkara ini sebagai pelaksanaan undang-undang *hudud* dan *qisas* secara beransur-ansur. Apabila parlimen meluluskan DUN Kelantan untuk melaksanakan undang-undang berkaitan jenayah *sariqah*, *hirabah*, *qatl*, dan *jurh*, maka ini adalah fasa kedua dalam pelaksanaan *hudud* dan *qisas* di Kelantan dan lengkaplah undang-undang berkaitan undang-undang jenayah syariah di Kelantan sebagai satu undang-undang jenayah syariah yang menyeluruh.

### **Cadangan Alternatif**

Secara alternatifnya, Ahmad Ibrahim seterusnya mencadangkan supaya Perlembagaan Persekutuan itu sendiri dipinda, khususnya membuat pindaan pada Senarai Negeri supaya tidak ada sekatan atas DUN membuat undang-undang jenayah Islam dan tidak diadakan lagi undang-undang Persekutuan menyekat bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam perkara itu. Dengan pindaan itu DUN mempunyai kuasa penuh membuat undang-undang jenayah Islam.<sup>18</sup>

Pastinya pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan majoriti dua pertiga (2/3) ahli parlimen adalah lebih rumitkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, dan adakah Kerajaan Negeri Kelantan sudah cukup bersedia untuk mendapatkan sokongan ahli parlimen untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ke arah merealisasikan pelaksanaan hukuman *hudud* dan *qisas* di Kelantan pada tahap ini.

### **Penutup**

Oleh sebab terdapat penafsiran undang-undang yang pelbagai inilah, Ahmad Ibrahim sebenarnya dalam memberikan cadangan-cadangan di atas, telah menulis secara jelas bahawa cadangan-cadangan di atas hanyalah cadangan-cadangan yang memungkinkan ke arah pelaksanaan *hudud* dan *qisas* di Kelantan, tetapi bukanlah bermaksud itulah cadangan-cadangan yang terbaik.

Oleh hal yang demikian, saya merasakan adalah lebih baik sekiranya dibuat kajian yang terperinci terlebih dahulu tentang sama ada kerajaan Negeri Kelantan itu sendiri berbidangkuasa atau tidak untuk melaksanakan hukuman *hudud* dan *qisas*. Hal ini adalah lebih penting atas alasan, jika Kerajaan Negeri Kelantan memang mempunyai bidangkuasa, maka isu perkara 76A adalah tidak lagi relevan ke arah pelaksanaan *hudud* dan *qisas* di Kelantan.

Ataupun secara alternatif, kerajaan Pusat hendaklah meminda Akta 355 itu terlebih dahulu dan seterusnya membenarkan Mahkamah Syariah di Kelantan untuk menjalankan hukuman *hudud* ke atas empat (4) jenayah *hudud* terlebih dahulu, iaitu zina, *qazf*, *syurb*, dan *irtidad* yang tidak melibatkan hukuman mati. Tidak timbul isu tentang bidangkuasa kerajaan negeri terhadap kesalahan-kesalahan ini.

Mengenai baki jenayah yang lain dalam EKJSII iaitu, *sariqah*, *hirabah*, *qatl* (termasuk padanya *diyath*), dan *jurh*, terpaksalah ditangguhkan terlebih dahulu

---

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Ahmad Ibrahim, Pelaksanaan undang-undang *hudud* di Malaysia, m/s. 159. Lihat juga Abdul Monir Yaacob, Kedudukan dan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia, Dim. Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman (edit.), *Tinjauan kepada perundangan Islam*, m/s. 112.

sehingga penyelesaian tentang isu pertindihan bidangkuasa ini diselesaikan secara harmoni memandangkan tafsiran kepada Perkara 76A ini sendiri masih lagi terbuka kepada perbincangan yang lebih mendalam.

*Wallau a'lam.*

Oleh:

Ahmad Termizi Abdullah  
[mizico@gmail.com](mailto:mizico@gmail.com)

20 April 2020